



كوفراسي گورو ملايو كلنتن برحد

KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOTA BHARU 2

**TARIKH : 06 APRIL 2019
TEMPAT : SEK MEN. KEB KOTA
MASA : 10.00 PAGI**

**ATURCARA
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 09.00 Pagi : Pendaftaran
- 10.00 Pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al – qur’an dan bacaan doa.
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 10.30 Pagi : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
 2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
 3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-12.
 4. Menimbang Laporan Lembaga 2018.
 5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 24 tahun 2019.
 6. Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2018.
 7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24 Tahun 2019.
 8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
 9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KAWASAN KOTA BHARU (2)**

Tarikh : 06 April 2019
Tempat : Sek. Men. Keb. Kota
Masa : 10.00 Pagi

1.1 Kehadiran :

Pengerusi Lembaga : Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob
Setiausaha : Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar
Timb. Pengerusi : Tn. Hj. Che Husin b Che Soh
Timb. Setiausaha : En. Mohd Zin b Halim
Timb. Bendahari : En. Asmadi b Omar
ALK : Tn. Hj. Ghazali
: Tn. Hj. Yahaya b Isa
: Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain
: Tn. Hj. Ismail b Salleh
: En. Mohamed Zahari b Mohamed Zain
: En. Muhammad Nor b Ishak
: En. Mohd Fadzil b Che Saleh

JAD : Hjh. Zubaida bt Ibrahim
: En. Megat Shariman b Mohd Hashim
: Tn. Hj. Mat Kait b Abdullah
: En. Kamaruzaman b Hj. Daud
: En. Mohamed Zainy b Mohamed Zain

1.2 Anggota : 1,017 orang

3. UCAPAN Pengerusi Lembaga

Oleh : Haji Ab Kadir b Ya'acob
Pengerusi Lembaga
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana pada pagi ini pihak Koperasi dapat mengadakan MAK di kawasan Kota Bharu 2. Untuk pengetahuan tuan/puan sekalian, hari ini terdapat dua kawasan yang terlibat dengan MAK iaitu kawasan Kota Bharu 2 dan pada petang nanti MAK Bachok. Di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan salam daripada Tn. Hj. Muhmad Saupi b Yunus yang tidak dapat hadir di sini pada hari ini kerana sedang mengerjakan umrah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota di kawasan Kota Bharu 2 atas sambutan yang sangat menggalakkan dan ramai yang hadir pada hari ini. MAK hanya diadakan dua tahun sekali dan MAK juga merupakan tempat untuk merapatkan silaturrahim antara anggota dengan ALK dan juga anggota dengan anggota. Anggota boleh mendapatkan maklumat tentang Koperasi di kaunter-kaunter yang disediakan samada berkaitan dengan promosi pinjaman, belian barang, pelaburan dan hartanah, Ar-Rahn dan sebagainya. Selain itu, anggota juga boleh mencadangkan idea-idea yang bernas untuk penambahbaikan Koperasi. Di samping itu, anggota juga boleh memberi cadangan yang membina serta teguran yang membangunkan untuk kemajuan Koperasi.

KGMK merupakan antara Koperasi yang paling lama dan terkenal di kalangan Koperasi seluruh Malaysia dan merupakan Koperasi yang tersenarai dalam kedudukan ke 48 daripada 100 Koperasi terbaik. Kedudukan kewangan Koperasi juga dalam keadaan yang baik. Koperasi adalah milik kita bersama dan kita perlu tahu perjalanan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi. Untuk makluman, semua anggota telah dibekalkan dengan Buku Laporan Tahunan Koperasi dan anggota boleh melihat semua laporan kewangan yang telah diberikan. Sehingga hari ini, jumlah keseluruhan aset koperasi ialah sebanyak RM89 juta. Manakala jumlah Modal Yuran Anggota pula ialah RM55.8 juta. Pihak Koperasi juga telah bersetuju untuk memberikan dividen kepada ahli sebanyak 4.1%. Semua anggota diseru supaya memberikan sokongan kepada setiap aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi agar keuntungan Koperasi terus berganda. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi ialah :

Kredit

Untuk pengetahuan semua anggota, jumlah peminjam sepanjang tahun 2018 ialah seramai 915 orang sahaja. Jumlah ini sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pada tahun ini koperasi telah bersetuju untuk mengadakan promosi pinjaman dengan peratusan faedah sebanyak 3.0% sahaja. Saya berharap dengan promosi yang diadakan ini dapat menarik semua anggota untuk membuat pinjaman dengan koperasi.

Hartanah

Unit Pelaburan dan Hartanah menyediakan aktiviti menjual tanah dan juga rumah. Setiap anggota yang membeli tanah dan rumah milik koperasi akan diberikan harga istimewa dengan potongan harga yang menarik.

Ar-Rahn

Untuk makluman tuan/puan semua, perniagaan Ar-Rahn telah mempunyai tiga cawangan iaitu di Kota Bharu (Jalan Kebun Sultan), di Melor (Bangunan Arked MARA, Melor) dan di Tumpat (Bangunan Arked MARA Chabang Empat) yang mana ketiga-tiga perniagaan tersebut turut menyumbangkan keuntungan yang tinggi kepada koperasi. Koperasi dalam cadangan membuka cawangan keempat Ar-Rahn di Machang.

Kedai Tayar

Kedai Tayar milik koperasi ini sebenarnya sudah sekian lama beroperasi, namun hanya orang luar atau bukan anggota yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan baiki dan servis kereta di kedai tayar tersebut. Untuk pengetahuan semua anggota yang hadir, kedai tayar ini diwujudkan untuk menjaga kebajikan semua anggota yang mana anggota boleh membuat penukaran tayar kereta dan membaiki kereta dengan bayaran secara ansuran iaitu melalui potongan gaji.

Hotel

Koperasi kini telah menambah satu lagi bidang perniagaan iaitu dalam bidang perhotelan. Koperasi telah mengambil alih bangunan yang disewa oleh Hanis Villa Hotel dan membuka hotel sendiri dengan nama Diamond Hotel. Kedudukan hotel ini sangat strategik kerana lokasinya di tengah-tengah Bandar Kota Bharu serta berdekatan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti bank, hospital, terminal bas, kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya.

Semua anggota juga disarankan untuk menginap dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan seminar di hotel milik Koperasi ini. Anggota akan diberikan diskaun istimewa sekiranya menginap dan menyewa dewan di Diamond Hotel.

Bakti Guru Sendirian Berhad (BGSB)

BGSB merupakan anak syarikat Koop Guru yang menyediakan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Semua anggota boleh mendapatkan barangan tersebut di kedai-kedai panel yang telah dilantik. Selain itu, BGSB juga menyediakan pakej umrah. Saya berharap semua anggota dapat menyokong semua aktiviti yang disediakan oleh BGSB.

Tabung Kebajikan Anggota (TKA)

Berkaitan dengan Tabung Kebajikan Anggota (TKA) pula, antara tuntutan yang boleh dibuat ialah rawatan hospital, penyakit kritikal, kematian dan bencana alam. Sekiranya berlaku kematian dari kalangan anggota, waris si mati akan mendapat wang tunai pendahuluan sebanyak RM2,000.00 serta merta bagi mengurangkan beban waris arwah dalam proses pengurusan jenazah. Baki yang selebihnya akan dibayar kemudian setelah waris mengisi borang TKA.

Manakala bagi penyakit kronik pula, pihak Koperasi akan dibayar mengikut tahap sakit yang ditanggung. Wakil Jawatankuasa TKA akan membuat sesi lawatan ke rumah anggota yang menghidap penyakit kronik terlebih dahulu.

Tuan/puan sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin menyampaikan satu berita baik iaitu setiap anggota yang berjaya membawa masuk anggota baru akan menerima insentif sebanyak RM50.00 bagi setiap anggota baru yang baru mendaftar.

Tuan/puan sekalian,

Saya ingin mengingatkan anggota membuat pilihan yang betul dan tepat semasa pemilihan perwakilan nanti. Beliau juga memberitahu selepas ini terdapat pemilihan perwakilan seramai 30 orang dan berharap anggota dapat memilih perwakilan yang hebat dan yang mempunyai pengalaman dalam koperasi serta yang bertanggungjawab.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah terutamanya Tuan Pengetua kerana telah bersetuju untuk jadikan SMK Kota sebagai tempat untuk Mesyuarat Agung Kawasan Kota Bharu 2. Saya juga berharap semua anggota dapat memahami segala maklumat yang telah saya sampaikan pada hari ini.

Sekian sahaja dari saya. Dengan ini saya merasmikan MAK Kota Bharu 2 pada hari ini dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim.

Selamat bersidang.

AGENDA

AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En. Ahmad Yani b Muhammad (009391) mencadangkan En. Zuni b Mohamed (017993) sebagai Pengerusi Mesyuarat, dan disokong oleh En. Samsudin b Musa (012232).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat

- 2.1 Pengacara Majlis juga menjelaskan Setiausaha Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 Hj. Kamarulzaman b Samat (006032) mencadangkan Hj. Nik Ariff b Raja Yusoff (004155) sebagai Setiausaha Mesyuarat, disokong oleh En. Samsudin b Musa (012232).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -12/2017

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017.
- 3.2 Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017 bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 12 untuk diterima dan disahkan.
- 3.3 En. Samsudin b Musa (012232) mencadangkan supaya Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017 diterima dan disahkan, disokong oleh Hj. Kamarulzaman b Samat (006032).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018

- 4.1 Pengacara Majlis meminta Setiausaha Lembaga untuk membentangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018.
- 4.2 Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar membentangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018 seperti berikut bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 48.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

AGENDA 5 iaitu **Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019** telah dipinda ke **AGENDA 9** dan **AGENDA 6** menjadi **AGENDA 5** iaitu **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi 31 Disember 2018**.

AGENDA 5 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari, En. Asmadi b Omar untuk membentangkan draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 En. Asmadi b Omar membentangkan draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 1 hingga muka surat 15 sebagaimana buku yang diedarkan.
- 5.3 En. Zuni b Mohamed (017993) mencadangkan supaya draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018 untuk diterima dan disahkan, disokong oleh En Wan Nazli b Wan Nawang (007801).

AGENDA 6 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari, En Asmadi b Omar membentangkan Belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019.
- 6.2 En. Asmadi b Omar membentangkan Belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019 dari muka surat 16 hingga muka surat 23.
- 6.3 En. Zuni b Mohamed (017993) mencadangkan supaya draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018 untuk diterima dan disahkan, disokong oleh En Wan Nazli b Wan Nawang (007801).

AGENDA 7 : Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga, Hj. Ab Kadir b Ya'acob supaya membentangkan cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

- 7.2 Pengerusi Lembaga menjelaskan bahawa tiada cadangan kepada pindaan Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi untuk dibentangkan.

AGENDA 8 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga membentangkannya.
- 8.2 Pengerusi Lembaga menjelaskan tiada usul diterima dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan.

AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019.

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta JK Pemilihan, En. Mohd Zin b Halim untuk memberikan penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 9.2 En Mohd Zin bin Halim, Pengerusi JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di Kawasan Kota Bharu 2 pada hari ini seramai 51 orang dan meminta semua calon tampil ke hadapan. Seorang calon tidak dapat hadir dengan izin dan bersurat adalah Mohammed Nabit b Mat Jusoh (010891). Calon - calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan tidak hadir ke hadapan semasa namanya dipanggil secara automatik pencalonannya terbatal.

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	009791	ROSLAN B MOHAMMAD	JPN, TUNJONG
2	012572	MOHD ZIZEE B SETAPA	PPD KOTA BHARU
3	009441	AZLAN B ABDULLAH	SK LONG GHAFAR
4	013474	ZULKIFLI B HAMAT	SK ZAINAB 2
5	006062	KAMALIA BT MOHD NOR	LOT 1141 KEDAI BARU, PADANG KALA, MELOR
6	011950	NATRAH BT SEMAN	SK KUBANG KERIAN 2
7	006521	WAN AZIZ B WAN SALLEH	JPN, TUNJONG
8	018333	SHALLYRA BT HASSAN	SMK ZAINAB
9	006758	NIK KAMAL B RAJA HASSAN	PPD KOTA BHARU
10	015299	MOHD RUSLAM B AB RAHMAN	JPN, TUNJONG
11	018422	HJH NORIZAN BT CHE AWANG	SK PADANG KALA
12	010782	NOR LIZAINI BT MOHAMAD NAWI	PPD KOTA BHARU
13	016333	MOHD NASRUN B MOHD NASIR	JPN, TUNJONG
14	011098	HASSIM B YA'ACOB	JPN, TUNJONG

15	009332	MOHD SUBKI B AB LATIF	SMK KUBANG KERIAN 1
16	009816	ROSMAH BT MAJID	SMK SULTAN ISMAIL
17	014737	MOHAMED ZAINY B MOHAMED ZAIN	SMK ZAINAB
18	009713	WAN ROSMADI B WAN SALLEH	SK KUBANG KERIAN 3
19	012232	SAMSUDIN B MUSA	JPN, TUNJONG
20	005835	AB AZIZ B MOHD DAUD	LOT 201 JLN RAJA PEREMPUAN ZAINAB II, KUBANG KERIAN
21	014153	MOHD ZALILA B YUSOFF	SK PADANG KALA
22	007933	AZHAR B AWANG	SK PERINGAT
23	020385	NIK MOHD ZAMRI B MAT NASIR	JPN, TUNJONG
24	013130	MOHD YUSOFF B NAULAH	SK PADANG MOKAN
25	014914	MOHD SHAIDI B ZAINAL ABIDIN	PPD KOTA BHARU
26	010891	MOHAMMED NABIT B MAT JUSOH	PPD KOTA BHARU
27	008989	WAN OMRAN B WAN HUSIN	LOT 520 KAMPUNG PENDEK, JLN SALOR
28	013312	NORSEHA BT HARON	JPN, TUNJONG
29	020335	MOHD YAK ZAN B MAT DAUD	SK PADANG KALA
30	018100	NOR SABIHAH BT KAMARULZAMAN	SMK LONG GHAFAR (1)
31	006838	HAMDAM B LATIFF	JPN, TUNJONG
32	008177	MOHD PARTONOR B ABDULLAH	SK PERINGAT
33	011188	LOKHMAM B ABDULLAH	LOT 3593, LRG MASJID KADOK, KG KADOK
34	014283	ZUBAIDA BT IBRAHIM	SK KUBANG KERIAN 3
35	017993	ZUNI B MOHAMED	JPN, TUNJONG
36	009902	SABRI B CHE SULAIMAN	SK KOTA
37	010250	WAN ISMAIL B WAN DAUD	JPN, TUNJONG
38	009391	AHMAD YANI B MUHAMMAD	JPN, TUNJONG
39	010783	MOHD KHAZURAN B MAT ALI	SK TEGAYONG
40	015949	HJ GHAZALI B SALLEH	KG BECHAH KURA, PERINGAT
41	007517	MOHAMAD ZARINI B MAHMUD	SK ZAINAB 2
42	006833	NOOR AINI BT NASIR	LOT 114 TAMAN SRI PULAU, KUBANG KERIAN
43	007655	HJ CHE SAUKAR B CHE MOHD DARUS	LOT 2165 KG GAJAH MATI MAHLIGAI, MELOR
44	010861	CHE ZAWIAH BT CHE PA	SK WAKAF STAN
45	013798	MOHD YUSOFF B MAT AIL	SMK AGAMA MELOR
46	008887	ZULKIFLI B IBRAHIM	PPD KOTA BHARU
47	017433	NOOR AIDA BT SHAFII	SK KUBANG KERIAN 1

48	006032	HJ KAMARULZAMAN B SAMAT	LOT 1141 KEDAI BARU, PADANG KALA, MELOR
49	012302	MOHD YUSOF B DOLLAH	SK DEMIT
50	013626	ANUAR B MOHAMED	SK DEMIT
51	005039	ISMAIL B IBRAHIM	PT 1936 KG LELEPAR, LIMBAT

Keputusan : Mesyuarat setuju sebulat suara.

Pengundian dijalankan secara sulit dan dikendalikan oleh pihak Angkasa.

- 9.3 Pengerusi JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang menang bagi kawasan ini setelah proses pengundian selesai dijalankan oleh pihak Angkasa. Nama-nama calon yang menang adalah seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	009791	ROSLAN B MOHAMMAD	JPN, TUNJONG
2	013474	ZULKIFLI B HAMAT	SK ZAINAB 2
3	018422	HJH NORIZAN BT CHE AWANG	SK PADANG KALA
4	015299	MOHD RUSLAM B AB RAHMAN	JPN, TUNJONG
5	007933	AZHAR B AWANG	SK PERINGAT
6	012232	SAMSUDIN B MUSA	JPN, TUNJONG
7	006838	HAMDAM B LATIFF	JPN, TUNJONG
8	009332	MOHD SUBKI B AB LATIF	SMK KUBANG KERIAN 1
9	008177	MOHD PARTONOR B ABDULLAH	SK PERINGAT
10	009902	SABRI B CHE SULAIMAN	SK KOTA
11	017433	NOOR AIDA BT SHAFII	SK KUBANG KERIAN 1
12	011098	HASSIM B YA'ACOB	JPN, TUNJONG
13	007655	HJ CHE SAUKAR B CHE MOHD DARUS	LOT 2165 KG GAJAH MATI MAHLIGAI, MELOR
14	014737	MOHAMED ZAINY B MOHAMED ZAIN	SMK ZAINAB
15	006521	WAN AZIZ B WAN SALLEH	JPN, TUNJONG
16	011950	NATRAH BT SEMAN	SK KUBANG KERIAN 2
17	014914	MOHD SHAIDI B ZAINAL ABIDIN	PPD KOTA BHARU
18	018333	SHALLYRA BT HASSAN	SMK ZAINAB
19	010782	NOR LIZAINI BT MOHAMAD NAWI	PPD KOTA BHARU
20	012572	MOHD ZIZEE B SETAPA	PPD KOTA BHARU
21	009441	AZLAN B ABDULLAH	SK LONG GHAFAR
22	009713	WAN ROSMADI B WAN SALLEH	SK KUBANG KERIAN 3
23	005835	AB AZIZ B MOHD DAUD	LOT 201 JLN RAJA PEREMPUAN

			ZAINAB II, KUBANG KERIAN
24	010861	CHE ZAWIAH BT CHE PA	SK WAKAF STAN
25	014153	MOHD ZALILA B MOHD YUSOFF	SK PADANG KALA
26	015949	HJ GHAZALI B SALLEH	KG BECHAH KURA, PERINGAT
27	018100	NOR SABIHAH BT KAMARULZAMAN	SMK LONG GHAFAR (1)
28	013130	MOHD YUSOFF B LAUNAH	SK PADANG MOKAN
29	006062	KAMALIA BT MOHD NOR	LOT 1141 KEDAI BARU, PADANG KALA, MELOR
30	017993	ZUNI B MOHAMED	JPN, TUNJONG

Keputusan : Mesyuarat setuju sebulat suara.

PENCATAT MINIT :


1. PN. WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. CIK SYURAIDAH BT MAT LARAK @ MAT ZAID

TANDATANGAN Pengerusi Mesyuarat:



.....
EN. ZUNI B MOHAMED (017993)

TANDATANGAN Setiausaha Mesyuarat:



.....
HAJI NIK ARIFF B RAJA YUSOFF (004155)